

Abdullah Badawi antara tiga yang

dilantik Naib

UM 10 SEP 1988

Presiden

② UMNO (baru)

KUALA LUMPUR 9 Sept. — Mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO (baru) malam ini melantik Datuk Sri Amar Wan Mokhtar Ahmad, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi dan Encik Anwar Ibrahim sebagai Naib Presiden parti.

Serentak dengan itu, presiden parti, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad juga mengumumkan hari Jumaat 28 Oktober ini sebagai tarikh Perhimpunan Agung UMNO (baru), sehari selepas Perhimpunan Agung Pemuda dan Wanita.

Bercakap dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat yang berlangsung selama hampir lima jam di sini, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, perlantikan ketiga-tiga Naib Presiden UMNO (baru) dibuat memandangkan mereka telah dipilih memegang jawatan tersebut ketika UMNO (lama) mengadakan Perhimpunan Agung pada 24 April lalu.

Beliau memberitahu, mesyuarat agung pada 28 Oktober antara lain akan membahaskan ucapan dasar presiden parti dan usul ekonomi, agama, politik dan pelajaran.

“Sebuah mesyuarat agung khas akan diadakan untuk meluluskan perlembagaan UMNO (baru),” katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir yang juga Perdana Menteri memberitahu, majlis pembukaan yang

diadakan pada sebelah pagi akan dihadiri oleh pemimpin - pemimpin parti komponen Barisan Nasional.

Mesyuarat agung 28 Oktober ini akan dihadiri oleh 1,854 perwakilan yang mewakili 144 bahagian UMNO (baru).

Peraturan

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, mesyuarat malam ini juga menubuhkan sebuah jawatankuasa kerja yang dipengerusikan oleh Timbalan Presiden parti, Encik Abdul Ghafar Baba.

Jawatankuasa ini, tambah beliau, dianggotai oleh naib-naib presiden parti, setiausaha agung Datuk Mohamed Rahmat, bendahari, Datuk Daim Zainuddin, Ketua Pemuda, Datuk Najib Tun Razak dan Ketua Wanita, Datin Paduka Rafidah Aziz.

“Kami juga telah meluluskan peraturan mesyuarat Wanita dan Pemuda dalam mesyuarat malam ini,” katanya.

Mengenai perlembagaan parti, beliau berkata, ia akan diedarkan kepada semua bahagian sepanjang minggu ini.

Mengenai keahlian parti, beliau menjelaskan, permohonan yang diterima telah melebihi satu juta tetapi masa yang agak panjang perlu diambil untuk mendaftarkan mereka.